

HRD Corp, Universiti Johns Hopkins jalin kerjasama

Ibadat & Fadilat

Sayidatina Aishah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:
 "Apabila seorang isteri bersedekah daripada harta suaminya,
 baginya pahala dan bagi suaminya pahala sama dan bagi pelayan
 menjaja harta itu juga mendapatkan pahala serupa, tanpa
 mengurangi sedikitpun daripada pahala lain. Bagi suami apa
 diusahakannya dan bagi isteri apa disedekahkan." (HR Nasa'i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:49	1:17	4:39	7:29	8:43
Alor Setar	5:50	1:17	4:39	7:29	8:42
P. Pinang	5:51	1:17	4:39	7:27	8:41
Ipoh	5:51	1:15	4:37	7:24	8:38
Kuala Lumpur	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Shah Alam	5:50	1:12	4:35	7:20	8:34
Johor Bahru	5:44	1:04	4:26	7:09	8:22
Kuantan	5:45	1:07	4:29	7:14	8:27
Seremban	5:49	1:11	4:33	7:17	8:30
Bandar Melaka	5:49	1:10	4:33	7:16	8:29
Kota Bharu	5:43	1:10	4:32	7:21	8:31
K. Terengganu	5:40	1:06	4:28	7:16	8:30
Kota Kinabalu	4:50	12:16	3:38	6:26	7:40
Kuching	5:19	12:39	4:01	6:44	7:57

Kuala Lumpur: Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) akan menjalin kerjasama dengan Universiti Johns Hopkins, antaranya berkaitan program latihan kemahiran, khususnya dalam teknologi dan digital untuk memastikan pekerja Malaysia bersedia untuk masa hadapan digital.

HRD Corp adalah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), manakala Universiti John Hopkins berpangkalan di Baltimore, Maryland, adalah universiti penyelidikan pertama ditubuhkan di Amerika Syarikat (AS) menyediakan kursus berteknologi tinggi bagi pembangunan kemahiran profesional.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata kerjasama merangkumi program latihan kemahiran itu demi memastikan pekerja Malaysia bersedia untuk masa hadapan digital, antaranya program latihan kemahiran dalam bidang teknologi tinggi dan terbaru seperti kecerdasan buatan (AI).

"Selain itu, teknologi 5G, keselamatan siber, teknologi *blocke-*

chain dan beberapa program lain. Persetujuan terhadap kerjasama ini dinyatakan ketika saya melawat Universiti Johns Hopkins semasa berada di Washington, AS.

"Saya percaya HRD Corp boleh memanfaatkan kepakaran yang dimiliki universiti ini dalam kursus berteknologi tinggi, terutama bagi tujuan pembangunan kemahiran golongan profesional," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Saravanan berkata, kerjasama membahagikan program latihan jangka pendek untuk memperkuat kan kebolehpasaran tenaga kerja Malaysia juga akan dijalin, sekaligus menyokong usaha kerajaan dalam memastikan peluang pekerjaan untuk semua rakyat di negara ini.

"Sejajar dengan hasrat HRD Corp untuk membolehkan perolehan kelulusan melalui latihan jangka pendek, HRD Corp akan

mengusahakan agar latihan yang ditawarkan penyedia latihan berdaftar, diiktiraf oleh Universiti Johns Hopkins," katanya.

Beliau juga mengesyorkan HRD Corp menggunakan peluang usaha sama dengan universiti antarabangsa itu untuk meluaskan penerimaan inisiatif *micro credential* HRD Corp pada peringkat antarabangsa mandagkan mereka sudah pun memperkembangkan rangka kerja *micro credential*, baru-baru ini.

"Saya juga mengahamkan HRD Corp untuk bekerjasama dengan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) untuk memastikan pegawai kanan kerajaan dapat mencapai program latihan dalam bidang AI.

"Program ini akan memberikan pendedahan, selain melengkapkan pegawai kerajaan dengan kefahaman dan kemahiran yang diperlukan dalam memperkukuhkan kepemimpinan," katanya.



M Saravanan